



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RESIDENSI WILAYAH  
RESIDENSI KEPONGMAS**

**TASIK METROPOLITAN, KEPONG, WP KUALA LUMPUR**

**14 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**JAM 9.15 PAGI**

*Salutasi (Akan diberikan pada hari kejadian)*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

### **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Syarikat Aset Kayamas Sdn. Bhd. dan Syarikat bersekutu Sinerjuta Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Majlis Penyerahan Kunci RESIDENSI WILAYAH Residensi Kepongmas hari ini.

2. Pada awalnya, YAB Perdana Menteri berhasrat untuk merasmikan majlis ini. Memandangkan jadual program yang padat dan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, beliau tidak dapat hadir merasmikan majlis ini. Beliau telah menyampaikan salam beliau kepada semua yang hadir pada hari ini.
3. Projek-projek di bawah skim RESIDENSI WILAYAH ini adalah bertujuan untuk merealisasikan impian warga Kuala Lumpur untuk memiliki kediaman sendiri pada harga mampu milik.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Residensi Kepongmas mempunyai 1,514 jumlah unit yang dijual dari RM188,000.00 hingga RM198,000.00, mempunyai 3 bilik tidur, 2 bilik air dan 1 tempat letak kereta berbumbung bagi setiap unit. Ia telah siap dibina 9 bulan lebih awal dari tarikh jangkaan siap pembinaan.
5. Residensi Kepongmas terletak 12 kilometer dari ibu kota serta mempunyai akses mudah ke Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 Kuala Lumpur (MRR2) dan Jalan Kuching. Projek ini juga menawarkan pelbagai kemudahan untuk penduduk seperti ruang taska, tempat rekreasi dan bilik permainan, kedai serbaneka, dewan serbaguna dan surau. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini, penduduk dapat menjalankan aktiviti bersama keluarga dan juga jiran tetangga di dalam kawasan Residensi Kepongmas sendiri dengan harmoni.
6. Penduduk Residensi Kepongmas juga mempunyai akses mudah ke Taman Tasik Metropolitan Kepong yang terletak bersebelahannya. Ini dapat menggalakkan dan memupuk minat terutama sekali anak-anak muda untuk menjalankan aktiviti luar sambil menikmati habitat semulajadi dan hidupan hijau.
7. Melalui program RESIDENSI WILAYAH, Aset Kayamas telah pun siap membina dan menyerahkan kunci kepada pembeli sebanyak 6,261 unit dan terbaharu sekali

adalah Residensi Wangsamias yang telah diserahkan kunci pada bulan lepas.

8. Aset Kayamas adalah satu-satunya Pemaju RESIDENSI WILAYAH yang menawarkan harga rumah di bawah RM200,000.00. Ini amat membantu golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah terutama sekali sebagai rumah pertama.
9. Dan berita baik untuk penduduk Residensi Kepongmas yang hadir pada hari ini, pihak pemaju dengan berbesar hati telah menyediakan cabutan bertuah untuk 15 pemilik Residensi Kepongmas yang merupakan rebat tunai untuk pakej renovasi yang bernilai RM9,000.00 setiap satu.
10. Pemaju ini telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang tinggi dalam usaha menjayakan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menyediakan 80,000 unit rumah RESIDENSI WILAYAH dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 sehingga 2028. Dengan adanya rumah-rumah yang telah siap dibina ini, adalah diharapkan supaya warga ibu kota dapat tinggal dengan lebih harmoni dan dapat meningkatkan taraf hidup keluarga.
11. Kerajaan menyambut baik dan amat berterima kasih kerana pihak Pemaju berjaya menyediakan rumah mampu milik ini. Oleh itu, saya amatlah menghargai komitmen dan dedikasi pemaju dalam usahasama menjayakan program Residensi Wilayah dan membantu merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik untuk warga Wilayah Persekutuan.
12. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Majlis Penyerahan Kunci Residensi Wilayah Residensi Kepongmas pada hari ini. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.